

## Strength and behaviour of lightweight ferrocement-aerated concrete sandwich blocks

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20437721&lokasi=lokal>

---

### Abstrak

Kertas kerja ini membentangkan keputusan kajian makmal blok ringan konkrit apit yang diperkuuh dengan jejaring dan teras kekotak simenfero berkekuatan tinggi. Kajian tertumpu kepada kesan penggunaan pelbagai jenis jejaring serta lapisan jejaring bagi menghasilkan kekotak simenfero tersebut. Dua jenis jejaring digunakan; jejaring mata punai, dan jejaring segiempat. Keputusan ujian terhadap kekuatan mampatan, berat keseluruhan unit blok dan mod kegagalan telah diperolehi. Keputusan dibandingkan dengan sampel kawalan yang diperbuat dari blok konkrit tanpa diperkuuh. Hasilnya didapati kekuatan mampatan meningkat dengan ketara bagi sampel yang diperkuuh. Manakala berat keseluruhan unit blok memenuhi piawai bagi komponen struktur ringan. Kesan keseluruhan mendapati bahawa blok yang pada asalnya rapuh bertukar menjadi lebih mulur dengan penggunaan kekotak simenfero.